

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



## Utusan Malaysia, Malaysia

30 May 2015, by

Supplements, page 6 - 739.00 cm<sup>2</sup>

Malaysia - Bahasa Newspapers - circulation 228,802  
(MTWTF)

ID 414280343

BRIEF FELDA

INDEX 1

PAGE 1 of 1



Prestasi suku terbaik sejak penyenaraian 2011

# Pendapatan MSM RM508.5 juta, naik 2.1%

**PENGELUAR** gula bertapis terbesar negara dan anak syarikat Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV), Malayan Sugar Manufacturing Company Berhad (MSM) mencatat keuntungan yang memberangsangkan bagi suku pertama keuntungan sebelum cukai (PBT) dan keuntungan selepas cukai (PAT), lantas mencapai tahap pertumbuhan yang sihat iaitu 25.3 peratus dan 26.1 peratus.

PBT meningkat kepada RM90.3 juta berbanding RM72.0 juta pada suku pertama sebelumnya, manakala pendapatan keuntungan bersih mencecah rekod tertinggi RM71.0 juta pada suku pertama berakhir 31 Mac, 2015, lonjakan daripada RM56.3 juta pada tempoh sebelumnya.

Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, perolehan MSM naik 2.1 peratus dari pada RM498.2 juta kepada RM508.5 juta dengan sebahagian besarnya didorong oleh jualan yang kukuh.

Secara keseluruhan, keuntungan kasar mencatat peningkatan sebanyak 38.6 peratus kepada RM118.4 juta daripada RM85.5 juta melalui program keberkesanan kos yang menyeluruh.

Walaupun berdepan dengan persekitaran pasaran yang mencabar dan pengukuran nilai Dolar berbanding ringgit, MSM telah berjaya meningkatkan penguasaan pasaran gula domestik kepada 64 peratus, berbanding 57 peratus pada suku yang sama tahun 2014.

"Suku pertama tahun 2015 menerima impak positif daripada program keberkesanan kos, pengurusan operasi yang efektif dan perancangan pembelian gula mentah yang efektif bersamaan amalan pasaran hadapan yang sistematis."

"Kesemua faktor ini akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan keuntungan yang berterusan," kata Presiden dan

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod.

"Langkah-langkah keberkesanan kos telah diamalkan di seluruh operasi MSM dan rangkaian rantaian bekalan, dan penyusunan semula pusat pengedaran beserta program penjimatan tenaga dalam penggunaan bahan api dan elektrik," katanya.

"Melangkah ke hadapan, kami amat optimis dengan pertumbuhan hasil dan keuntungan di masa hadapan. Program keberkesanan kos akan diteruskan dan pada tahun 2015 buat pertama kalinya Kontrak Jangka Masa Panjang (LTC) tidak lagi digunakan, sekali gus membolehkan kami untuk mengambil bahagian secara sistematis dalam pasaran terbuka," kata Sheikh Awab.

MSM juga telah mengisyitarkan pembayaran dividen akhir sebanyak 14 sen sesama bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

Ini adalah tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham pada mesyuarat agung tahunan yang akan diadakan pada 2 Jun 2015.

Dengan pembukaan pejabat perdagangan MSM di Dubai pada penghujung suku kedua 2015 dan kilang penapisan baharu di Johor menjelang tahun 2017, MSM bersedia untuk mengukuhkan daya saing dalam pasaran domestik dan eksport serta menghampiri matlamat untuk menjadi antara tiga syarikat gula terbesar di ASEAN dan 10 terbaik di dunia.

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) yang ditubuhkan pada 10 Mac 2011, merupakan pengeluar gula terkemuka di Malaysia.

Ia disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dan merupakan salah satu daripada 60 syarikat di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak RM 3.4 bilion (pada tahun 2014) MSM menghasilkan, memasar dan

menjual produk gula halus.

Syarikat itu menjalankan perniagaan utamanya melalui dua anak syarikat iaitu MSM Prai Berhad (sebelum ini dikenali sebagai Malayan Sugar Manufacturing Company Bhd) dan MSM Perlis Sdn. Bhd. (dahulu dikenali sebagai Kilang Gula Felda Perlis Sdn. Bhd.) yang masing-masing ditubuhkan pada tahun 1959 dan 1971.

Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik sendiri - MSM Logistics Sdn. Bhd. Melalui anak-anak syarikatnya MSM mempunyai gabungan kapasiti pengeluaran tahunan yang mengagumkan sebanyak 1.1 juta tan metrik gula halus. Pada tahun 2014, MSM menghasilkan 986.114 tan produk gula halus, di mana 20 peratus adalah untuk pasaran eksport. Buat masa ini, akaun pasaran saham domestik MSM dianggarkan kira-kira 64 peratus.

Syarikat ini menawarkan pelbagai produk yang terdiri daripada gula halus putih pelbagai saiz dan juga bijian gula perang halus. Ia dipasarkan dan dijual dalam pelbagai pilihan pembungkusan di bawah dua jenama iaitu "Gula Prai" dan "Gula Perlis".

Syarikat tersebut juga menjual sirap pekat, produk sampingan daripada proses penapisan hingga kilang penyulingan dan pengeluar etanol, makanan haiwan dan yis.

MSM menjual kepada pel-

bagai pelanggan di Malaysia dan di negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung melalui peniaga, pemborong dan pengedar. Para pelang-

gannya termasuklah syarikat-syarikat utama dalam industri minuman dan kuih-muih, hotel, restoran, kedai makanan dan peng-

